

9.1.2021

SIARAN MEDIA 2

EMPANGAN MENGKUANG YANG DIPERBESARKAN AKAN “SOKONG” OPERASI BEKALAN AIR PADA MUSIM KERING 2021

- **Apabila paras air Sungai Muda rendah, PBAPP akan melepaskan simpanan air mentah Empangan Mengkuang untuk menambah bekalan air mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Dua.**

PULAU PINANG, Sabtu, 9.1.2021: Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan akan berfungsi sebagai simpanan strategik kemarau untuk Pulau Pinang pada musim kering.

PBA Holdings Bhd dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan adalah komponen teras “Skim Simpanan Air Pam Mengkuang”.

“Tidak seperti Empangan Air Itam dan Teluk Bahang yang menyimpan air dari kawasan tadahan berdekatan, Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan menyimpan air mentah terutama yang dipam dari sungai pada musim hujan. Air mentah ini kemudian dapat dilepaskan dari empangan untuk digunakan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua pada musim kemarau,” kata beliau.

LRA Sungai Dua di Seberang Perai adalah loji rawatan air terpenting di Pulau Pinang kerana menghasilkan lebih 80% air terawat di Pulau Pinang setiap hari.

“Dalam keadaan normal, PBAPP mengabstrak air mentah dari Sungai Muda, di muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang, untuk rawatan di LRA Sungai Dua.

“Namun, pada musim kemarau, ketika paras air sungai Sungai Muda adalah rendah, simpanan air mentah Empangan Mengkuang akan mula berfungsi. Kita perlu melepaskan simpanan empangan ini untuk menambah bekalan air mentah ke LRA Sungai Dua,” menurut beliau.

“Ini adalah kenapa ada kebaikannya Empangan Mengkuang yang agak lengkap bagi persiapan menghadapi musim kering seterusnya bermula awal 2021,” ujar Dato' Ir. Jaseni. Kapasiti efektif Empangan Mengkuang adalah 93.9% pada 1.1.2021.

Beliau merujuk kepada keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil kembali Empangan Mengkuang dari Kerajaan Persekutuan pada 26.10.2020 sebagai keputusan bekalan air yang perlu dan strategik.

Beliau berkata hujan yang luar biasa rendah di Pulau Pinang dalam tempoh dari Julai 2019 hingga September 2020 telah menyebabkan pengurangan luar biasa kepada simpanan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

“Hujan pada akhir tahun 2020 telah membantu mengisi semula Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang di Pulau Penang. Walau bagaimanapun, musim kering 2021 bermula bulan ini, dan simpanan Empangan Teluk Bahang pada 1.1.2021 adalah 58.7%.

“Oleh itu, kita mungkin perlu meningkatkan pengeluaran air di LRA Sungai Dua pada musim kering 2021 bagi membantu memenuhi keperluan bekalan air di pulau (*Penang Island*),” kata beliau.

Oleh yang demikian, beliau menambah, kelestarian bekalan air yang berterusan di bahagian pulau (*Penang Island*) sepanjang 2021 mungkin bergantung pada dua faktor utama:

- Ketersediaan air mentah dari Sungai Muda, yang disokong oleh simpanan Empangan Mengkuang, untuk rawatan di LRA Sungai Dua; dan
- Pengoptimuman dalam pengagihan air terawat dari LRA Sungai Dua ke pulau melalui Saluran Paip Dasar Laut Berkembar Pulau Pinang ke-3 (PTSP ke-3) yang baharu, yang mula beroperasi pada 19.11.2020.

“Pada tahun 2019 dan 2020, kita mengalami impak perubahan iklim dan ancaman terhadap perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang. Oleh itu, kita harus menggunakan semua sumber yang ada untuk mengurangkan risiko kekurangan air di Pulau Pinang pada tahun 2021 dan tahun-tahun

mendatang,” beliau menambah.

Dua fasa MDEP masih tertangguh

Walaupun Empangan Mengkuang yang diperbesarkan telah diserahkan, Dato’ Ir. Jaseni menyatakan dua fasa Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) masih tertangguh dan menunggu pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Fasa 2B merujuk kepada pemasangan 7.0km saluran paip air mentah berdiameter 1.6m dari Stesen Pam Mak Sulong ke LRA Sungai Dua. Pengoperasiannya akan mempertingkatkan kapasiti pelepasan air mentah daripada 300 juta liter sehari (JLH) kepada 600 JLH.

Fasa 2C merujuk kepada Rumah Pam Lahar Yooi 440 JLH. Pengoperasiannya akan membolehkan pengepaman tambahan 440 JLH air mentah ke empangan daripada sumber air mentah kedua: Sungai Muda.

“Pada 2019, purata penggunaan air terawat Pulau Pinang adalah 843 JLH. Ketika ini, PBAPP hanya dapat melepaskan maksimum 300 JLH dari Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan. 300 JLH mungkin tidak mencukupi. Kita memerlukan Fasa 2B agar dapat melepaskan sehingga 600 JLH untuk mengurangkan risiko bekalan air ketika senario kemarau yang teruk.

“Kita juga perlukan Fasa 2C segera kerana kita kini mempunyai empangan 86.4 bilion liter yang perlu diisi semula dengan segera ketika musim hujan. Kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada Sungai Kulim. Kita masih perlu mengepam air mentah dari Sungai Muda untuk simpanan pada musim hujan.

“Dalam lain perkataan, kita bergantung kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyiapkan Fasa 2B dan Fasa 2C segera, agar Pulau Pinang dapat mengoptimumkan potensi strategik Empangan Mengkuang yang diperbesarkan,” tambah Dato’ Ir. Jaseni.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat

Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my